

AIA i-Tenang

Terma dan Syarat

1. Di bawah Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda dikehendaki mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat sebarang salah nyata semasa mengisi sebarang maklumat yang diperlukan di dalam permohonan anda iaitu anda harus mengisi butiran-butiran secara lengkap dan tepat. Anda juga harus memaklumkan kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) jika terdapat sebarang perubahan kepada maklumat yang telah anda berikan di dalam permohonan anda sekiranya perubahan tersebut berlaku selepas anda telah menghantar permohonan anda.
2. Dengan menghantar permohonan anda, anda mengaku:
 - a. anda telah membaca Helaian Pendedahan Produk dan faham sepenuhnya isi kandungan Helaian Pendedahan Produk dan anda telah memberi perhatian khusus kepada maklumat-maklumat penting berkenaan ciri-ciri utama dan had-had bagi produk ini;
 - b. anda sedar adalah menjadi kewajipan pendedahan pra-kontrak anda untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat salah nyata iaitu memberi maklumat palsu dan anda perlu memberi maklumat yang diperlukan secara lengkap dan tepat di dalam permohonan anda;
 - c. anda telah membaca dan memahami isi kandungan permohonan anda termasuk sebarang peringatan dan notis di dalamnya dan telah mengisi semua maklumat yang diperlukan secara lengkap dan tepat;
 - d. anda memahami sepenuhnya bahawa semua maklumat yang anda berikan berhubung permohonan anda adalah berkait dengan keputusan AIA PUBLIC untuk menerima permohonan anda atau tidak;
 - e. anda akan memaklumkan AIA PUBLIC sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat yang telah anda berikan di dalam permohonan anda secepat yang mungkin;
 - f. anda faham bahawa AIA PUBLIC atau pekerja-pekerjanya tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh sebarang maklumat yang anda berikan di dalam permohonan anda yang tidak lengkap atau tidak tepat dan termasuk tetapi tidak hanya terhad kepada butiran-butiran peribadi berkenaan transaksi dengan atau melalui AIA PUBLIC sama ada di dalam atau di luar Malaysia yang melibatkan sebarang pihak lain;
 - g. anda faham bahawa perlindungan hanya akan berkuatkuasa selepas AIA PUBLIC telah mengesahkan permohonan anda dan e-sijil yang berkenaan telah dikeluarkan (“Tarikh Penyertaan”) dan dihantar kepada anda;

- h. anda bersetuju untuk menyertai pelan Takaful ini mengikut permohonan anda berdasarkan prinsip Takaful di mana sebahagian daripada Caruman yang diperlukan akan dikreditkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Caruman akan dibayar melalui penebusan Baucar Perlindungan Tenang yang telah diberikan kepada anda oleh kerajaan Malaysia sebagai penerima yang layak;
- i. anda faham bahawa anda mempunyai tempoh percubaan 15 hari daripada tarikh anda menerima e-sijil daripada AIA PUBLIC untuk menilai kesesuaian pelan yang anda sertai. Sekiranya anda berhasrat untuk membatalkan sijil Takaful anda semasa tempoh percubaan ini, anda boleh berbuat demikian dengan menghantar notis secara bertulis kepada AIA PUBLIC yang menyatakan hasrat anda untuk membatalkan sijil Takaful anda;
- j. anda faham bahawa sekiranya anda membatalkan sijil Takaful anda semasa tempoh percubaan 15 hari, anda boleh menggunakan semula Baucar Perlindungan Tenang anda untuk menyertai produk Perlindungan Tenang yang lain. Sebarang bentuk pembayaran yang anda buat kepada AIA PUBLIC akan dikembalikan apabila sijil Takaful dibatalkan;
- k. anda bersetuju bahawa sebahagian daripada Caruman di dalam DRP akan diperuntukkan sebagai *Tabarru'* (derma) yang akan digunakan untuk perlindungan Takaful dan untuk bantuan dan pertolongan kewangan bersama kepada peserta-peserta lain pada waktu kesusahan seperti yang dinyatakan di dalam sijil Takaful;
- l. anda bersetuju untuk melantik AIA PUBLIC di atas dasar *Wakalah* (agensi) untuk menguruskan skim Takaful, termasuk menguruskan DRP berdasarkan prinsip-prinsip Syariah;
- m. anda bersetuju untuk membenarkan AIA PUBLIC menolak peratusan (%) tertentu daripada Caruman sebagai yuran *Wakalah* (agensi) untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk;
- n. anda bersetuju bahawa sekiranya DRP mengalami defisit, AIA PUBLIC akan mengaturkan *Qard* (pinjaman tanpa faedah) bagi membolehkan DRP memenuhi kewajipannya dan *Qard* tersebut akan dibayar semula daripada lebihan daripada DRP pada masa akan datang;
- o. anda faham dan bersetuju bahawa sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan atau disimpan oleh AIA PUBLIC (sama ada yang terkandung di dalam permohonan anda atau diperolehi dengan cara lain) boleh disimpan, digunakan dan diberikan oleh AIA PUBLIC kepada individu/organisasi yang berkaitan dengan AIA PUBLIC atau mana-mana pihak ketiga yang dipilih (di dalam atau di luar Malaysia, termasuk syarikat-syarikat retakaful dan syarikat penyiasatan tuntutan dan persatuan industri/persekutuan) bagi tujuan memproses permohonan anda dan memberikan khidmat seterusnya untuk produk dan khidmat kewangan yang lain dan untuk berkomunikasi dengan anda untuk tujuan seperti itu. Anda faham bahawa anda berhak memperoleh akses dan memohon sebarang pembedahan kepada maklumat peribadi anda yang disimpan oleh AIA PUBLIC. Permohonan tersebut boleh dibuat di mana-mana Pusat Pelanggan AIA.

3. Dengan menghantar permohonan anda, anda sedar bahawa pelan ini menyediakan faedah-faedah berikut:
 - i. bantuan tunai sekiranya anda perlu dimasukkan ke hospital akibat COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19;
 - ii. faedah kematian sekiranya anda meninggal dunia akibat COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19;
 - iii. faedah kematian akibat kemalangan;
 - iv. faedah hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan.

4. Dengan menghantar permohonan anda, anda sedar bahawa pelan ini tidak melindungi yang berikut:

Bagi penghospitalan atau kematian yang berkaitan dengan COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19:

- i. anda sebelum ini pernah menerima rawatan perubatan, diagnosis, konsultasi atau ubat-ubatan yang dipreskripsi untuk COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19 sebelum tarikh penyertaan bagi sijil Takaful;
- ii. sebarang keadaan yang berlaku di dalam masa empat belas (14) hari selepas tarikh penyertaan bagi sijil Takaful.

Bagi kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan:

- i. mendedahkan diri kepada bahaya secara sengaja atau perbuatan mudarat yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras;
- ii. serangan atau pembunuhan atau disebabkan peperangan (yang diisytiharkan atau yang tidak diisytiharkan), revolusi, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti keganasan;
- iii. perbuatan salah seperti melanggar atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau melawan penahanan, pembabitian di dalam sebarang pergaduhan atau perlawanan, perlumbaan kenderaan atau kemalangan yang disebabkan pengaruh alkohol atau dadah;
- iv. memasuki, keluar daripada, mengoperasi, menyelenggara atau diangkut oleh sebarang alatan atau pengangkutan udara kecuali jika Orang Dilindungi adalah seorang penumpang yang membayar tambang atau seorang anak kapal di atas pesawat pembawa penumpang komersil yang di dalam perjalanan mengangkut penumpang yang telah dijadualkan mengikut laluan yang telah ditentukan.